

25 MAR 1997

PEMAJU YANG MENGONDOL DAN MERATAKAN BUKIT AKAN DISIASAT

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menyiasat sebuah projek pembangunan yang telah mengondol dan meratakan sebuah bukit di Selangor, kata Menterinya Datuk Dr Ting Chew Peh.

Siasatan itu dibuat atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang semasa dalam penerbangan menggunakan helikopter pada minggu lepas terserempak dengan kawasan itu.

"Tindakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa serta Akta Kualiti Alam Sekitar boleh diambil terhadap pemaJU projek berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kawasan perumahan mewah Jade San Lembah Jati dan World Pitch & Putt Malaysia di Menara Kuala Lumpur.

Dr Ting bagaimanapun enggan memberitahu di mana lokasi kawasan projek pembangunan yang dikatakan itu.

Menurut beliau lagi, perkara itu juga telah dibincangkan di mesyuarat Kabinet minggu lepas dan Kementerian akan merujuk kepada kerajaan negeri sebelum tindakan diambil memandangkan isu tanah masih di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. -- BERNAMA

YBK PR